

PENGUNAAN DINAR EMAS DIKALANGAN NEGARA ISLAM: MIMPI ATAU KENYATAAN

Sanep Ahmad

Universiti Kebangsaan Malaysia

Siti Hajar Mohd Jani

Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Semasa negara Islam menghadapi krisis ekonomi pada 1977 telah dicadangkan supaya negara Islam kembali kepada Dinar Emas. Cadangan ini membawa dua isu penting iaitu mekanisma perlaksanaan dinar emas dan keserasian penyatuan matawang dikalangan negara Islam. Persoalan mekanisma perlaksanaan telah dibincangkan tetapi persoalan yang lebih kritikal untuk diselidiki ini sejauh mana keserasian dan kesesuaian penyatuan matawang dikalangan negara Islam? Adakah semua negara Islam mendapat manfaat? Kertas kajian ini bertujuan untuk menilai sejauh mana keserasian dan kesesuaian penyatuan matawang dikalangan negara Islam yang dengannya dapat dinilai sama ada negara Islam berpotensi untuk menggunakan hanya satu matawang. Sebagai penilaian awalan, kajian dilakukan keatas tiga negara iaitu Malaysia, Indonesia, dan Pakistan. Data digunakan adalah bagi tahun 1968-2003 dan dianalisis berdasarkan model VAR. Dapatan kajian menunjukkan Malaysia dan Indonesia mempunyai keserasian untuk melakukan penyatuan matawang, tetapi sebaliknya pula bagi Malaysia dan Pakistan. Indonesia dan Pakistan pula menunjukkan kesesuaian yang rendah. Kajian ini menyimpulkan bahawa sekiranya pertimbangan tiga negara sudah menunjukkan unsur ketidakserasian maka penggunaan satu matawang dikalangan negara Islam secara keseluruhan tidak mungkin dapat dilakukan Mengharapkan ia menjadi kenyataan adalah umpama mimpi yang sukar menjadi kenyataan. Lantaran itu negara Islam kini didapati tidak lagi ghairah untuk melaksanakan dinar emas.

Keywords: Dinar Emas, penyatuan matawang, OCA, kegawatan ekonomi, model VAR.

PENGENALAN

Pada tahun 1997 telah berlaku krisis kewangan dikalangan negara Islam khususnya dan negara seluruh dunia amnya. Kegawatan ekonomi yang berlaku telah menjejaskan dengan teruk ekonomi dunia dan tidak ketinggalan juga dengan ekonomi negara-negara Islam. Krisis tersebut bermula dengan kejatuhan kadar tukaran asing melawan Dolar Amerika yang menyebabkab nilai matawang kebanyakan negara terjejas teruk. Kejatuhan nilai tukaran berlaku dikatakan akibat daripada kegiatan spekulasi segolongan pihak yang bermaksud untuk memalapkan ekonomi dunia demi kepentingan mereka sendiri.

Umat Islam melihat gejala tersebut sebagai akibat daripada penggunaan wang fiat iaitu wang yang nilai mukanya tidak menyamai nilai kandung sebenar serta tidak mempunyai sebarang harta sandaran. Memandangkan masyarakat Islam sejak zaman awal menggunakan Dinar Emas maka, dicadangkan supaya masyarakat Islam kembali semula kepada penggunaan dinar emas khususnya dikalangan negara Islam. Penggunaan Dinar Emas diharapkan akan dapat menjamin kesetabilan nilai matawang negara Islam. Cadangan ini sebenarnya mempunyai dua implikasi penting iaitu mekanisma perlaksanaan dinar emas dan kesesuaian atau keserasian penyatuan matawang dikalangan negara Islam. Persoalan pertama telah dibincangkan dan berbagai cadangan kaedah perlaksanaan telah diberikan. Walaupun tidak ada kesepakatan diantara pemikir Islam tentang kaedah perlaksanaan yang perlu diikuti namun cadangan yang dikemukakan boleh dijadikan panduan yang wajar.

Persoalan yang lebih utama dan lebih kritikal untuk diselidiki ialah adakah penyatuan matawang atau penggunaan satu matawang dikalangan negara Islam sesuai dilakukan? Sejauhmanakah keserasian diantara negara-negara Islam untuk menggunakan satu mata wang? Adakah penyatuan matawang bagi semua negara Islam akan mendatangkan faedah dan kesan yang optima? Adalah dijangkakan bahawa kesan dari sesuatu langkah baru akan mengakibatkan sesetengah negara mendapat faedah manakala sesetengah negara lain akan mengalami mudharat. Ringkasnya bagi negara yang sesuai akan mendapat manfaat manakala negara yang tidak sesuai akan mengalami mudharat. Jika demikian keadaannya negara manakah yang mungkin sesuai dan sebaliknya?

Lantaran daripada persoalan diatas kajian ini akan meneliti isu kesesuaian dan keserasian penyatuan matawang dikalangan negara Islam. Oleh itu objektif

utama kajian ialah untuk menilai sejauh mana penyatuan matawang sesuai dilakukan dikalangan negara Islam dan sejauh mana penggunaan satu matawang dikalangan negara-negara Islam dapat menyelesaikan masalah ekonomi. Sebagai kajian kes kajian ini akan menggunakan tiga buah negara Islam iaitu Malaysia, Indonesia dan Pakistan.

KAJIAN LEPAS

Terdapat berbagai pandangan pro dan kontra tentang cadangan penyatuan mata wang diantara negara Islam khususnya penggunaan dinar emas yang bertujuan menjaga kesetabilan nilai mata wang dan mengelakkan kegiatan spekulasi. Penggunaan dinar emas dijangkan dapat menjamin nilai mata wang kerana nilai emas adalah setabil (Cedric Muhammad, 1997; Umar Ibrahim Vadillo, 1998; Jaafar Ahmad, 2004). Cadangan ini sebenarnya telah mewujudkan dua persoalan penting iaitu pertama, persoalan mekanisma perlaksanaan dinar emas dan kedua berkaitan dengan persoalan kesesuaian dan keserasian penyatuan mata wang dikalangan negara Islam. Persoalan mekanisma perlaksanaan dinar emas telah cuba dibahaskan oleh beberapa penulis. Disamping membahaskan kebaikan menggunakan dinar emas seperti memberi kemudahan untuk pembayaran zakat, pengiraan nisab, perlaksanaan hukum hudud dan diat (Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali *et al*, 2004; Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, 2008) juga menerangkan kemungkinan bagaimana dinar emas boleh dilaksanakan dikalangan negara Islam. Cadangan kemungkinan cara menggunakan 100% dinar emas secara fizikal atau mengguna mata wang kertas dengan jaminan 100% dengan emas atau mengguna hanya untuk perdagangan antara bangsa dikalangan negara Islam atau hanya untuk pembayaran bersih tahunan perdagangan dikalangan negara Islam. Cadangan ini juga dinyatakan oleh (Meera, Ahmed Kameel Mydin, 2002; Meera, Ahmed Kameel Mydin *et al*, 2002; Lutfi Hamidi, 2007). Sesetengah penulis hanya mencadangkan agar dinar emas digunakan hanya untuk urusan perdagangan antarabangsa dikalangan negara OIC atau untuk pembayaran bersih tahunan perdagangan antara bangsa dikalangan negara OIC sahaja memandangkan terdapat beberapa halangan perlaksanaan (Zallum, 1983; Lutfi Hamidi, 2007).

Walaubagaimana pun terdapat beberapa halangan untuk merealisasikan mekanisma ini dan halangan yang paling kritikal ialah kekurangan rizab emas dikalangan negara Islam. Rintititan dari masalah ini akan wujud kesukaran lain

iaitu kesukaran untuk menukar wang kertas dengan emas serta kemungkinan berlakunya kenaikan harga emas secara global berikutan meningkatnya permintaan untuk emas. Implikasi seterusnya ialah harga emas berkemungkinan akan menjadi kurang stabil (Lutfi Hamidi, 2007).

Persoalan yang lebih kritikal untuk diselidiki ialah isu keserasian diantara negara Islam membentuk kesatuan mata wang. Walaupun kebanyakan penulis menyatakan akan kebaikan adanya penyatuan mata wang namun sebahagian kecil ahli ekonomi berpandangan bahawa kewujudan pelbagai mata wang tetap mempunyai kelebihan. Golongan yang menentang penyatuan mata wang tetap menyatakan bahawa wujudnya berbagai matawang diantara berbagai negara adalah satu kebaikan manakala penyatuan mata wang akan membawa keburukan. Kebaikan adanya berbagai matawang tersebut dilihat dari sudut keupayaan menyelaraskan kejutan. Wujudnya berbeza mata wang mungkin lebih baik bagi melindungi kejutan diantara satu negara dengan negara yang lain. Ini adalah kerana perubahan nilai satu mata wang didalam sesebuah negara akibat masalah ekonomi negara tersebut tidak akan mempengaruhi atau kecil pengaruhnya terhadap ekonomi dan mata wang didalam negara yang lain (Shapiro, 2002; Hamid Falaton, Muhammad R Safarzadeh dan Masonori, 2007).

Golongan yang pro terhadap penyatuan mata wang pula menyatakan bahawa penggunaan satu mata wang dikalangan beberapa negara mempunyai banyak kebaikan. Walaubagaimana pun berdasarkan optimum currency area theory (OCA) tidak semua negara yang terlibat akan mendapat manfaat bergantung kepada keadaan ekonomi sesebuah negara tersebut. Penggunaan satu mata wang yang sama memberi kemudahan perdagangan dan pelaburan serta mengurangkan kos transaksi dalam perniagaan dan perdagangan serta dapat menghalang kemaruahan dalam kadar pertukaran antara negara (Srinivasa, 2002). Namun demikian terdapat masalah yang timbul dan perlu ditanggung semasa pembentukan tersebut. Masalah pertama ialah berkenaan kos dan faedah pembentukan kesatuan matawang yang sukar ditentukan. Seseengah negara mendapat lebih manfaat berbanding dengan negara yang lain dan begitulah sebaliknya seseengah negara terpaksa menanggung kos yang lebih berbanding negara yang lain. Selain itu terdapat juga masalah kekangan pembentukan kesatuan matawang. Kekangan dalam pembentukan satu kesatuan matawang ialah (i) kepelbagaian tahap pembangunan diantara negara (ii) sektor kewangan yang lemah dalam kebanyakan negara (iii) kelemahan sumber mekanisma dan

institusi yang diperlukan bagi membentuk dan mengurus satu kesatuan matawang (iv) kekurangan syarat politik untuk membentuk kerjasama kewangan diantara negara (Srinivasa, 2002).

Ahli ekonomi lain menyatakan bahawa penggunaan satu mata wang adalah ibarat penggunaan satu bahasa antara negara. Ia memudahkan urusan dan perhubungan diantara manusia. Oleh itu dalam konteks perniagaan penyatuan mata wang akan memudahkan usaha promosi pelaburan dan perdagangan antara negara. Lantaran itu kos untuk mendapatkan maklumat dapat dikurangkan. Sebaliknya perbezaan matawang akan meningkatkan kos mendapat maklumat tentang harga dan sebagainya (Barro, 2001).

Selain daripada itu, faedah penyatuan bergantung kepada kos yang ditanggung. Dikatakan bahawa manfaat akan meningkat sebanding dengan kos yang ditanggung. Negara yang ingin mendapat lebih keuntungan dan manfaat akan menanggung kos yang lebih besar dan begitulah sebaliknya (Georgies, 2004). Lantaran itu kesanggupan menanggung kos menjadi kekangan terhadap manfaat yang akan diperolehi.

Dalam aspek manfaat yang diperolehi, khususnya dalam aspek kesetabilan, pengalaman Kesatuan Eropah menunjukkan bahawa sesetengah negara baru seperti Slovenia mempunyai kesetabilan harga yang lebih baik berbanding dengan negara yang lama seperti Portugal dan Greece (David dan Georgies, 2005). Ini bermakna negara baru yang lebih fleksibel mempunyai kesesuaian yang lebih baik dalam membentuk kesatuan matawang.

Bagi negara yang didapati tidak sesuai untuk membentuk kesatuan mata wang tetap mempunyai peluang untuk berbuat demikian. Peluangnya untuk menyertai kesatuan mata wang dan mendapat manfaat daripadanya adalah bergantung kepada kepantasannya menyelaraskan kejutan ekonomi. Semakin pantas keupayaan penyelarasan maka semakin cepat kesesuaian untuk menyertai kesatuan mata wang. Oleh itu walaupun sesetengah negara tidak sesuai membentuk kesatuan pada awalnya tetapi kepantasan menyelaraskan kejutan amat penting untuk membolehkannya menyertai kesatuan serta mendapat manfaat dalam pembentukan kesatuan matawang. Oleh itu integrasi ekonomi boleh membawa kepada kesesuaian kesatuan mata wang (Steven dan Neven 2005).

Sebenarnya penilaian sama ada sesebuah negara itu sesuai atau tidak menyertai kesatuan matawang boleh dinilai berdasarkan beberapa prinsip utama. Terdapat tiga kriteria utama yang perlu dipenuhi untuk membolehkan sesebuah negara itu membentuk kesatuan matawang diantara negara iaitu (i) negara tersebut mempunyai hubungan positif dan signifikan disebabkan gangguan dalam pembolehubah ekonomi penting (ii) negara mempunyai saiz gangguan yang kecil (iii) negara mempunyai tindakbalas yang sama terhadap kadar tukaran (Yin Huang and Feng Guo, 2005). Negara yang mempunyai kesamaan ciri tersebut akan mempunyai peluang yang lebih tinggi untuk membentuk kesatuan mata wang yang sama.

Aspek lain yang diperhatikan dalam menilai kesesuaian membentuk kesatuan mata wang antara negara ialah moboliti buruh. Mundell (1961), Hway dan Muzafar Shah Habibullah (2007) menyatakan bahawa mobiliti buruh amat perlu untuk membentuk kesatuan matawang. Negara yang mempunyai mobiliti buruh yang lebih tinggi adalah lebih sesuai kerana ia lebih berupaya mengurangkan kesan kejutan. Disamping itu, (Hway Boon Ong dan Muzafar Shah Habibullah, 2007) juga menyatakan bahawa negara yang mempunyai integrasi yang tinggi adalah lebih sesuai kerana integrasi tersebut membolehkan tindakbalas keatas kejutan berlaku melalui satu polisi kewangan yang lazim.

Kajian lepas telah menilai kesesuaian berdasarkan faktor ekonomi serta diantara negara yang mempunyai pertalian ekonomi. Kajian ini akan memfokus kepada negara Islam kerana diantara sesama negara Islam sebenarnya mempunyai ikatan yang unik iaitu persamaan bersaudara seagama. Negara Islam secara zahirnya mempunyai kaitan yang rapat serta hubungan yang erat berdasarkan semangat persamaan agama dan kepentingan ummah. Oleh itu diantara negara Islam seharusnya mempunyai integrasi yang tinggi, moboliti buruh yang baik serta mempunyai keupayaan menyelaraskan yang baik diantara satu dengan lain. Jika ini benar berlaku maka negara Islam seharusnya amat sesuai untuk membentuk satu kesatuan matawang. Namun demikian perbezaan geografi serta lokasi mungkin tidak mengizinkan perkara tersebut berlaku. Oleh itu adakah persamaan agama dan semangat persaudaraan yang tinggi diantara negara Islam boleh membentuk satu integrasi yang tinggi untuk memungkinkan pembentukan kesatuan matawang.

Atau adakah peranan geografi dan ekonomi setempat itu lebih berpengaruh. Tiga negara dipilih untuk dijadikan kes bagi menilai kemungkinan untuk membentuk

kesatuan yang lebih besar. Pada umumnya jika harapan nampak cerah untuk penyatuan mata wang dilakukan dikalangan sekumpulan beberapa negara maka peluang mungkin wujud untuk melakukannya kepada gabungan negara yang lebih besar. Akan tetapi sebaliknya sekiranya peluang untuk penyatuan didalam tiga negara menunjukkan kemungkinan kegagalan maka harapan untuk melakukan penyatuan mata wang didalam gabungan keseluruhan negara Islam yang lebih besar adalah mustahil dapat dilakukan.

METODOLOGI

Kesesuaian pembentukan satu kesatuan mata wang diantara negara dinilai berdasarkan hubungan kejutan daripada gangguan pembolehubah makroekonomi. Berdasarkan teori kawasan mata wang optima (OCA Theory), negara yang mempunyai ciri gangguan yang sama dianggap sesuai untuk membentuk satu kesatuan mata wang. Bagi tujuan melihat hubungan gangguan diantara pembolehubah makroekonomi, kajian lepas menggunakan model VAR (Bayoumi and Eichengreen, 1993; Blanchard and Quan, 1989). Sehubungan dengan itu, kajian ini akan menggunakan model VAR. Pembolehubah makroekonomi yang akan digunakan ialah indeks harga pengguna (CPI) bagi mewakili kejutan permintaan, Keluaran dalam Negara Kasar (GDP) bagi mewakili kejutan penawaran dan Kadar Tukaran Asing (EXC) bagi mewakili kejutan kewangan.

a) Model

Bentuk model VAR yang dicadangkan sebagaimana dipelopori oleh Engle & Granger (1987) ialah seperti berikut:

$$\Delta Y_{1t} = \beta_1 + \sum \beta_{1i} (i) \Delta Y_{1,t-i} + \sum \beta_{12} (j) \Delta Y_{2,t-j} + \sum \beta_{13} (k) \Delta Y_{3,t-k} + \epsilon_{1,t} \quad (1)$$

$$\Delta Y_{2t} = \beta_2 + \sum \beta_{21} (i) \Delta Y_{1,t-i} + \sum \beta_{22} (j) \Delta Y_{2,t-j} + \sum \beta_{23} (k) \Delta Y_{3,t-k} + \epsilon_{2,t} \quad (2)$$

$$\Delta Y_{3t} = \beta_3 + \sum \beta_{31} (i) \Delta Y_{1,t-i} + \sum \beta_{32} (j) \Delta Y_{2,t-j} + \sum \beta_{33} (k) \Delta Y_{3,t-k} + \epsilon_{3,t} \quad (3)$$

dimana,

Y_{1t} = Indeks Harga Pengguna (CPI) masa t

Y_{2t} = Keluaran Negara Kasar (GDP) masa t

Y_{3t} = Kadar Pertukaran masa t

$\varepsilon_t = (n \times t)$ vector residual

i, j dan k = lag bagi pembolehubah Y_1 , Y_2 dan Y_3 .

Beberapa cara boleh digunakan untuk menentukan lag yang optimum seperti Akaike Information Criterion (AIC), Schawatz Information Criterion (SIC) atau Likelihood Ratio (LR). Bentuk model sebenar yang akan dianggarkan akan bergantung kepada beberapa keadaan iaitu sama ada data pegun atau tidak dan sama ada wujud atau tidak kointegrasi diantara pembolehubah.

Kepegunan data perlu pada aras yang sama iaitu sama ada pada aras $I(0)$ atau pada kebeda pertama $I(1)$. Ujian kepegunan dilakukan dengan menggunakan ujian unit roots Augmented Dickey-Fuller (ADF) diperkenalkan oleh Dickey Fuller (1981) manakala ujian kointegrasi dilakukan mengguna ujian Johansen (1988). Kewujudan kointegrasi atau tidak akan menentukan bentuk spesifikasi model. Sekiranya tidak wujud kointegrasi maka model VAR akan digunakan tetapi sebaliknya jika wujud kointegrasi maka model Vector Error Correction Model (VECM) akan digunakan.

Fungsi struktur kejutan fungsi tindakbalas pembolehubah endogenous berdasarkan kepada nilai kejutan model VAR dinyatakan sebagai:

$$\Delta Y_{1t} = \sum \beta_{11}(i) \varepsilon_{1,t} + \sum \beta_{12}(j) \varepsilon_{2,t} + \sum \beta_{13}(k) \varepsilon_{3,t} \quad (4)$$

$$\Delta Y_{2t} = \sum \beta_{21}(i) \varepsilon_{1,t} + \sum \beta_{22}(j) \varepsilon_{2,t} + \sum \beta_{23}(k) \varepsilon_{3,t} \quad (5)$$

$$\Delta Y_{3t} = \sum \beta_{31}(i) \varepsilon_{1,t} + \sum \beta_{32}(j) \varepsilon_{2,t} + \sum \beta_{33}(k) \varepsilon_{3,t} \quad (6)$$

b) Data

Kajian dilakukan keatas tiga buah negara iaitu Malaysia, Indonesia dan Pakistan. Analisis dilakukan keatas pembolehubah indeks harga pengguna (CPI), Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP), dan kadar pertukaran (EXC).

Data siri masa diambil bagi jangka masa 1968-2003.

c) Ujian kepegunan ADF

Bagi mengelakkan kesan regresi palsu maka data yang digunakan perlu dipastikan kepeggunaanya. Ujian kepegunan sebagaimana diperkenalkan oleh Dickey D A dan Fuller W A (1981) dilakukan menggunakan model berikut:

$$\Delta Y_t = \alpha + \phi Y_{t-1} + \delta T + \sum \beta_i \Delta Y_{t-i-1} + \varepsilon_t \quad (7)$$

$$\Delta Y_t = \alpha + \phi Y_{t-1} + \sum \beta_i \Delta Y_{t-i-1} + \varepsilon_t \quad (8)$$

dimana:

Y_t = Pembolehubah Y pada masa t

T = Masa

ε_t = Residual

Persamaan (7) mempunyai tren masa t manakala persamaan (8) tidak mempunyai tren masa t. Jika data siri masa mengandungi unit roots maka data dikatakan tidak pegun. Data yang tidak pegun akan dikebeza sehingga ia menghasilkan kepegunan pada aras yang sama.

d) Ujian kointegrasi Johansen (1988) dan Johansen dan Julius (1990)

Kewujudan bentuk hubungan diantara pemolehubah boleh mempengaruhi spesifikasi model yang dibentuk. Jika tidak wujud hubungan jangka panjang diantara pembolehubah maka model yang sesuai ialah model VAR dan jika sebaliknya ialah model pembetulan ralat (ECM). Penentuan sama ada wujud atau tidak hubungan diantara pembolehubah, boleh dilakukan dengan menggunakan ujian kointegrasi Johansen (1988) dan ujian Johansen dan Julius (1990).

Model autoregresif dengan darjah p dinyatakan seperti berikut:

$$Y = A_1 Y_{t-1} + A_2 Y_{t-2} + \dots + A_p Y_{t-p} + B X_t + \varepsilon_t \quad (9)$$

Dimana:

Y adalah vector k dari pembolehubah I(1) tidak pegun Y

X adalah vector d dari pembolehubah deterministik lain

A adalah vector koefisien

ε_t adalah vector inovasi

Persamaan (9) boleh ditulis sebagai:

$$\Delta Y_t = \sum \Gamma_i \Delta Y_{t-i} + \Pi Y_{t-k} + BX_t + \varepsilon_t \quad (10)$$

dimana

$$\Pi = \sum A_i - I \text{ dan } \Gamma_i = - \sum A_j \quad (11)$$

dengan nilai likelihood ratio (LR) berdasarkan formula dibawah:

$$Q_i = -T \sum \log (1-\lambda_i) \quad (12)$$

Sekiranya nilai LR lebih besar daripada nilai kritikal maka wujud kointegrasi dan begitulah sebaliknya.

e) Analisis *Impulse response* (IRF Analysis)

Secara individu nilai koefisien dalam model VAR atau VECM sukar ditafsirkan secara berasingan. Setiap pembolehubah mempunyai hubungan dengan pembolehubah yang lain sebagaimana ditunjukkan didalam sistem. Oleh itu analisis impulse response digunakan untuk mengesan tindakbalas pembolehubah endogen kesan daripada kejutan pembolehubah gangguan. Analisis IRF juga dapat mengenal pasti pembolehubah yang endogen yang mungkin menjadi “leading indicator” untuk pembuatan dasar.

KEPUTUSAN EMPIRIKAL

a) Ujian unit root

Jadual 1 menunjukkan keputusan nilai statistik ujian kepegunan ADF. Ujian pada peringkat paras menunjukkan pembolehubah adalah tidak pegun. Kepegunan hanya berlaku pada peringkat kebeda pertama. Pada peringkat ini semua pembolehubah bagi semua negara adalah pegun pada aras 5%.

Jadual 1 : Ujian Kepegunan

	Pada paras			Kebeda pertama		
	CPI	GDP	EXC	CPI	GDP	EXC
Malaysia	-0.9634	-1.6401	-2.0830	-4.2521*	-4.5110*	-4.5150*
Indonesia	-1.1620	-1.9680	-2.4675	4.43618*	-4.2610*	-4.2820*
Pakistan	-1.0974	-2.3237	-2.7556	4.2676*	-4.0500*	-4.6630*

* Signifiken pada aras 5%

b) Ujian kointegrasi

Jadual 2 menunjukkan keputusan ujian kointegrasi semua pembolehubah bagi semua negara. Keputusan menunjukkan bahawa kesemua pembolehubah adalah tidak berkointegrasi jangka panjang diantara satu dengan lain pada aras keertian 1%. Lantaran itu model yang sesuai digunakan dan dianggarkan adalah model VAR.

Jadual 2 : Ujian Kointegrasi Johansen

	CPI	GDP	EXC
Malaysia	5.0274	1.8641	0.7730
Indonesia	5.4275	2.0982	0.0066
Pakistan	4.3878	1.4801	0.8044

Nilai kritikal LR pada 1% ialah 6.65

c) Korelasi struktur kejutan

Berdasarkan kepada model VAR yang dianggarkan, nilai gangguan bagi setiap pembolehubah bagi setiap negara dapat diperolehi. Nilai gangguan tersebut kemudiannya digunakan bagi menganggar nilai korelasi gangguan diantara pembolehubah untuk kesemua negara. Nilai korelasi gangguan diantara pembolehubah diantara negara adalah seperti berikut:

i) Korelasi gangguan permintaan CPI

Jadual 3 menunjukkan nilai korelasi bagi gangguan permintaan diantara negara. Pada umumnya kesemua nilai korelasi adalah positif dan signifikan bagi kesemua negara Islam. Ini bermakna ia berhubungan simetri dan sesuai melakukan penyatuan mata wang. Gambaran ini menunjukkan Malaysia, Indonesia dan Pakistan mempunyai hubungan yang rapat. Oleh itu jika dinilai dari aspek gangguan permintaan kesemua negara Islam dalam kajian menunjukkan kesesuaian untuk membentuk kesatuan mata wang diantara Malaysia, Indonesia dan Pakistan. Nilai korelasi yang signifikan bermakna gangguan permintaan daripada sesebuah negara dapat menular dengan mudah kenegara lain. Nilai korelasi rendah dan tidak signifikan bermakna gangguan permintaan di Singapura agak sukar menular ke negara Islam Malaysia, Indonesia dan Pakistan.

Jadual 3: Korelasi Gangguan Permintaan (CPI)

	Malaysia	Indonesia	Pakistan
Malaysia	1.0	0.7514	0.6799
Indonesia	0.7514	1.0	0.8617
Pakistan	0.6799	0.8617	1.0

ii) Korelasi gangguan penawaran GDP

Apabila dilihat dari aspek gangguan penawaran sebagaimana ditunjukkan didalam jadual 4, kesemua negara Islam pada umumnya menunjukkan korelasi yang rendah dan tidak signifikan. Malah Malaysia dan Pakistan menunjukkan nilai korelasi yang negatif. Keadaan seperti krisis kewangan akan memburukkan korelasi gangguan penawaran. Malaysia dan Indonesia menunjukkan kesesuaian yang rendah tetapi Pakistan dan Malaysia pula dengan jelas menunjukkan hubungan tak simetri dan bermakna tidak kesesuaian pembentukan penyatuan

matawang. Nilai korelasi positif tetapi rendah dan tidak signifikan diantara Pakistan dan Indonesia jelas menunjukkan peluang untuk menubuhkan kesatuan mata wang masih ada tetapi adalah rendah. Oleh itu dari aspek penawaran, gangguan daripada Indonesia sukar menular ke Pakistan.

Jadual 4: Korelasi Gangguan Penawaran (GDP)

	Malaysia	Indonesia	Pakistan
Malaysia	1.0	0.4975	-0.0135
Indonesia	0.4975	1.0	0.0437
Pakistan	-0.0135	0.0437	1.0

iii) Korelasi gangguan kewangan EXC

Jadual 5 menunjukkan bahawa korelasi gangguan kadar pertukaran Malaysia, Indonesia dan Pakistan adalah simetri iaitu bernilai positif tetapi rendah kecuali diantara Malaysia dan Indonesia yang agak sederhana bernilai 0.4939. Ini bermakna gangguan nilai pertukaran sukar diselaraskan diantara satu negara kepada negara yang lain. Keadaan sedemikian menunjukkan bahawa wujud kesesuaian diantara Malaysia dan Indonesia tetapi tidak begitu kuat. Indonesia juga dengan jelas menunjukkan kesesuaian yang rendah dengan Pakistan.

Jadual 5: Korelasi Gangguan Kewangan (EXC)

	Malaysia	Indonesia	Pakistan
Malaysia	1.0	0.4939	0.1067
Indonesia	0.4939	1.0	0.0364
Pakistan	0.1067	0.0364	1.0


d) Analisis *Impulse response*

Analisis *impulse response* dapat menunjukkan bagaimana kejutan struktur mempengaruhi keadaan sebenar. Secara umumnya sekiranya kejutan tindakbalas menunjukkan bentuk perubahan yang sama maka ia bermakna bahawa kejutan tersebut kurang penting dan tidak memerlukan kepada pelarasan. Ini juga bermakna bahawa kejutan tersebut hanya memerlukan kos pelarasan yang rendah. Nilai *impulse response* yang digunakan adalah berdasarkan fungsi 'Ln' bagi setiap pembolehubah bagi memastikan kepegungan dan mengurangkan variasi.


MALAYSIA

Rajah 1 Impulse Response Malaysia


Response of LNCPI to One S.D. Innovations



Response of LNGDP to One S.D. Innovations




Response of LNKPI to One S.D. Innovations






INDONESIA

Rajah 2 Impulse Response Indonesia



PAKISTAN

Rajah 3 Impulse Response Pakistan



Bagi negara yang dikaji, analisis menunjukkan bahawa bentuk tindakbalas kejutan permintaan (LnCPI) mempunyai persamaan diantara Malaysia dan Indonesia (Rajah 1 dan Rajah 2). Begitu juga dengan bentuk kejutan yang lainnya seperti bentuk impulse response LnGDP dan LnEXC. Perbezaan agak ketara bagi kes Pakistan (Rajah 3) yang mana tindak balas LnGDP menunjukkan tren yang menaik berbeza dengan bentuk tindakbalas Malaysia dan Indonesia yang agak menurun. Oleh itu secara umum pembentukan satu kesatuan yang mengandungi tiga negara iaitu Malaysia, Indonesia, dan Pakistan adalah tidak sesuai. Kesesuaian hanya diantara Malaysia dan Indonesia tetapi tidak bagi Malaysia dan Pakistan. Ringkasnya penyatuan hanya sesuai dilakukan mengikut kumpulan kecil iaitu Malaysia dengan Indonesia tetapi tidak secara bersama dengan Pakistan.

KESIMPULAN

Kajian ini cuba menilai kesesuaian negara Islam melaksanakan penyatuan mata wang dan seterusnya meneliti sama ada langkah ini boleh digunakan sebagai strategi mengatasi masalah kegawatan ekonomi negara Islam. Hasil kajian mendapati penyatuan mata wang dikalangan negara Islam tidak dapat dilakukan secara total. Kesesuaian adalah berbagai dan boleh dilakukan hanya dengan membentuk kerjasama yang kecil diantara beberapa Negara. Kemungkinannya diantara Malaysia dan Indonesia. Ini bermakna bahawa cadangan untuk menyatukan mata wang dikalangan negara Islam dengan menggunakan Dinar Emas di semua Negara Islam secara keseluruhan sukar dilakukan.

Oleh itu usaha untuk menyatukan mata wang dikalangan negara Islam dengan menggunakan dinar emas sebagai langkah untuk mengatasi masalah kegawatan ekonomi tidak mungkin dapat dilakukan. Jika tiga negara Islam iaitu Malaysia, Indonesia dan Pakistan telah menunjukkan ketidaksesuaian maka apatah lagi penyatuan bagi seluruh negara Islam yang lain. Sehubungan itu usaha untuk kembali kepada Dinar Emas dikalangan negara Islam nampaknya sukar dilaksanakan. Tambahan pula pelaksanaan dinar emas berkemungkinan menghadapi masalah kekurangan rizab emas bagi menjadi sandaran bagi nilai mata wang apatah lagi untuk digunakan sebagai wang secara token. Persoalan ini menambah lagi kekusutan serta menjadikan peluang untuk negara Islam berjaya bersama menyatukan mata wang khususnya menggunakan dinar emas kelihatan semakin tipis.

Sekiranya negara Islam tetap ingin melaksanakan penggunaan Dinar Emas maka penilaian tidak seharusnya hanya berdasarkan kepada kepentingan ekonomi semata-mata tetapi sebaliknya sesetengah negara terpaksa berkorban menanggung kos yang besar demi untuk mendapat faedah yang menyeluruh dikalangan negara Islam. Jika tidak maka hasrat untuk kembali kepada dinar emas akan kekal sebagai mimpi yang tidak akan menjadi kenyataan.

RUJUKAN

- Bayoumi T and Eichengreen B. (1993). "Shocking aspects of European Monetary Integration". In: *Torres, F, Giavazzi, F. (Eds), Adjustment and Growth in the European Monetary Union*. Cambridge University Press, Cambridge, pp.193-229.
- Blanchard, O and Quian, D.(1989). "The Dynamic Effects of aggregate Demand and Supply Disturbances". *Am Econ. Rev.* 79, pp.655-673.
- Cedric Muhammad. (1997). "Towards an Islamic Gold Standard". [http://www.finalcall.com/perspectives/gold 11-13-98.htm](http://www.finalcall.com/perspectives/gold%2011-13-98.htm).
- David Furceri and Georgies Karras. (2005). "Are the New EU Members Ready for the EURO? A Compararison of Cost and Benefits". *Journal of Policy Modelling*, 28, pp.25-38.
- Dickey D A and Fuller W A. (1981). "Likelihood Ratio Statistics for Autoregressive Time Series with a Unit Root". *Econometrica*. 49, pp. 1057-1072. (July).
- Georgies Karras. (2004). "Is there a Yen Optimum Currency Area ? Evidence from 18 Asian and Pacific Economies". *Japan and the World Economy*, 17, pp. 456-469.
- Hamid Falaton, Muhammad R Safarzadeh and Masonori Kuroki. (2007). "An Analysis of Economic Integration of Asian Countries for Currency Unification". *Central Business Review*, Volume xxvi, pp. 1-12.
- Hway Boon Ong and Muzafar Shah Habibullah. (2007). "The ASEAN-5 Economic Alliance: A time Varying Convergence Analysis". *International Research Journal of Financ and Economics*, isu 8, ISSN 1450-2887.
- Jaafar Ahmad. (2004). "Dinar Emas Dalam Era Globalisasi". *Iktisad. Bil.2/2004*. pp. 17-27.
- Lutfi Hamidi. (2007). *Gold Dinar-Sistem Moneter Global Yang Stabil dan Berkeadilan*. Senayang Abadi Publishing: Jakarta Indonesia.

- Meera, Ahmed Kameel Mydin.(2002). *The Islamic Gold Dinar*. Selangor: Pelanduk Publications.
- Meera, Ahmed Kameel Mydin and Aziz, Hassanuddeen Abdul. (2002). "The Islamic Gold Dinar: Socio-economic Perspectives". *Proceedings of the International Conference on Stable and Just Global Monetary System*, International Islamic University: Kuala Lumpur, pp.1-34.
- Mundell, R. (1961). "A Theory of Optimum Currency Areas". *Am. Econ. Review*, 51, pp. 657-665.
- Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Bakhtiar Alrazi and Hanifa Abdul Hamid (2002). *The Mechanism of Gold Dinar*. A.S Noordin.
- Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali (2008). "The Gold Dinar. A Revisited Currency: The Mechanism of Gold Dinar". *International Journal of Diversity in Organisations, Communities and Nations*, Volume 4. 2008/07/04.
- Srinivasa Madhur (2002). "Costs and Benefits of a Common Currency for ASEAN". *ERD Working Paper Series*, No. 12, Economics and Research Department.
- Steven K.B and Neven T.V. (2005). "Is the Proposed East African Monetary Union an Optimal Currency Area? A Structural Vector Autoregression Analysis". *World Development*, 33, pp. 2119-2133.
- Umar Ibrahim Vadillo (1998). "Kembalikan Kegemilangan Mata Wang Islam", *Al-Islam*. pp.18-23.
- Umar Ibrahim Vadillo. (1998). "The Return of the Gold Dinar". <http://www.netmatters.co.uk/user/murabitun/return/noframes/00return.htm>.
- Yin Huang and Feng Guo (2005). "Is Currency Union a Feasible Option in East Asia? A Multivariate Structural VAR Approach". *Research in International Business and Finance*, 20, pp. 77-94.
- Zallum, Abdul Qadim. (1983). *al-Anfal fi Daulatil Khilafah*. Beirut: Darul Ilmi lil Malayin. Cetakan 1.